

Perkembangan Monetari dan Kewangan

LAPORAN EKONOMI

5

Tinjauan

Keadaan monetari menyokong aktiviti sektor swasta, dilengkapi dengan pasaran modal yang aktif...

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2004. Kadar inflasi yang rendah dan asas ekonomi yang lebih teguh memberi fleksibiliti untuk mengekalkan dasar monetari yang akomodatif. Kadar faedah yang rendah dan stabil dalam keadaan mudah tunai yang mencukupi terus menyokong aktiviti perniagaan dan perbelanjaan pengguna. Permintaan untuk pembiayaan bank adalah kukuh berikutan keyakinan perniagaan dan pengguna yang bertambah baik. Pembiayaan yang tinggi dicerminkan dengan peningkatan dua digit dalam pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan isi rumah.

Kedudukan sistem perbankan yang mantap membantu meningkatkan daya tahannya untuk menghadapi kejutan di samping menyokong pembiayaan ekonomi. Perbankan Islam berkembang lebih pesat di Malaysia dengan kemasukan dua bank domestik dan satu bank asing ke dalam perbankan Islam sepenuhnya. Ini meletakkan sistem perbankan Islam pada landasan yang lebih kukuh untuk memperoleh bahagian yang lebih besar daripada aset, deposit dan pembiayaan perbankan domestik, di samping menarik pelanggan antarabangsa, khususnya dari Asia Barat.

Sebahagian besar sekuriti hutang swasta (PDS) yang diperolehi daripada pasaran modal digunakan bagi membiayai aktiviti baru, berubah daripada arah aliran penggunaan PDS bagi tujuan penstrukturan dan pembiayaan sebelum ini. Perkembangan positif ini menunjukkan sektor korporat yang lebih kukuh berikutan penstrukturan semula sektor kewangan dan hutang korporat.

Penstrukturan semula sektor kewangan di Malaysia mencapai satu lagi mercu dengan penutupan Danamodal pada Februari 2004, kurang dua tahun selepas penamatan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC). Danamodal merupakan satu jentera khas yang ditubuhkan untuk menyuntik modal ke dalam institusi kewangan semasa krisis kewangan Asia, sementara CDRC ditubuhkan sebagai platform bagi penyelesaian hutang korporat.

Pasaran saham menjadi lebih aktif pada tahun 2004 berikutan peningkatan sentimen pelabur hasil daripada prestasi ekonomi yang lebih teguh. Pasaran derivatif menunjukkan prestasi lebih baik, terutamanya niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), yang didorong oleh prestasi pasaran saham yang lebih baik dan dagangan niaga hadapan minyak kelapa sawit mentah (CPO) sejajar peningkatan harga CPO. Tahun 2004 juga menandakan permulaan pelaksanaan Fasa 2 Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) dan Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) berikutan penyempurnaan beberapa saranan utama Fasa 1 pada tahun 2003. Sementara itu, usaha berterusan sedang diambil untuk meningkatkan lagi kecekapan dan kecairan dalam pasaran modal.

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal menyokong perkembangan ekonomi...

Dasar monetari meneruskan rejim kadar faedah rendah bagi tahun ketujuh pada tahun 2004, disokong oleh mudah tunai yang mencukupi untuk memudahkan aktiviti ekonomi dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. Inflasi yang rendah diperkukuh oleh asas makroekonomi dan sistem perbankan yang semakin teguh terus memberi fleksibiliti untuk melaksanakan dasar

monetari yang akomodatif. Satu perkembangan penting adalah pelaksanaan rangka kerja kadar faedah baru pada 26 April 2004 oleh Bank Negara Malaysia (BNM), mencerminkan peralihan kepada pendekatan yang lebih berasaskan pasaran bagi penetapan kadar faedah. Rangka kerja baru ini bertujuan mempertingkatkan keberkesanan mekanisme penghantaran dasar monetari dan penentuan harga yang lebih cekap oleh institusi perbankan. Di bawah rangka kerja baru ini, kadar dasar semalaman (OPR) menggantikan kadar faedah campur tangan 3-bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

OPR telah ditetapkan pada kadar semalaman antara bank pada 2.7% dan dibenarkan turun naik dalam julat yang kecil antara ± 25 mata asas. Institusi perbankan kini boleh menentukan kadar berian pinjaman asas (BLR) sendiri berdasarkan kepada struktur kos dan strategi perniagaan mereka. Sejak OPR diperkenalkan, julat kadar semalaman antara bank telah bergerak dalam julat yang kecil iaitu 2.68%-2.74%, dengan purata pada 2.7%.

Di peringkat antarabangsa, kadar faedah telah meningkat secara beransur, seperti di *Jadual 5.1*. Amerika Syarikat (AS) meningkatkan kadar dana persekutuan untuk pertama kali sejak Januari 2001 sebanyak 25 mata asas kepada 1.25% pada Jun 2004 dan sebanyak 25 mata asas lagi kepada 1.5% pada Ogos 2004. United Kingdom (UK) telah menaikkan kadar faedah empat kali pada tahun ini kepada 4% pada Februari, 4.25% pada Mei, 4.5% pada Jun dan 4.75% pada Ogos. Bagaimanapun, kadar faedah yang rendah dan stabil dijangka kekal di Malaysia, berdasarkan kelebihan mudah tunai dan inflasi yang rendah di samping keperluan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan.

Sejak 2 September 1998, ringgit kekal ditambah pada RM3.80 kepada dolar AS. Dengan pasaran tukaran mata wang asing yang masih mengalami ketidakpastian, tambahan ringgit terus menyediakan persekitaran yang pasti dan stabil untuk menyokong aktiviti ekonomi. Tambahan ringgit kekal disokong oleh asas ekonomi yang semakin kukuh, seperti inflasi dan pengangguran yang rendah, rizab antarabangsa yang meningkat, hutang luar negara yang terurus serta sistem perbankan yang teguh dan mempunyai pemodalanan yang kukuh.

JADUAL 5.1

Kadar Faedah Penting Negara Terpilih

Negara	Akhir 2003	Akhir Ogos 2004	Perubahan (mata asas)	Tarikh Berkuat-kuasa
	(%)			
US	1.00	1.25	+25	30.6.04
(Dana persekutuan)		1.50	+25	10.8.04
UK	3.75	4.00	+25	5.2.04
(Repo)		4.25	+25	6.5.04
		4.50	+25	10.6.04
		4.75	+25	5.8.04
Jepun	0.10	0.10	0	19.9.01
(Diskaun rasmi)				
Australia	5.25	5.25	0	3.12.03
(Sasaran tunai)				
Malaysia	-	2.70	-	26.4.04
(Dasar semalaman)				
Thailand	1.25	1.50	+25	25.8.04
(Belian semula 14-hari)				
Indonesia	8.31	7.34	-97	16.6.04
(Diskaun 1-bulan)				
Filipina	6.75	6.75	0	2.7.03
(Panggilan semalaman)				

Sumber: Laman Web Bank Pusat.

Perkembangan Monetari


Penawaran wang dan pinjaman mengembang kukuh...

Ketiga-tiga agregat monetari telah berkembang dipacu oleh aktiviti ekonomi domestik yang kukuh dan sektor luar yang bertambah baik. Pertumbuhan **M1**, **M2** dan **M3** masing-masing mencatat 16.3%, 11.5% dan 10.8% pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: 14.6%; 11.1%; 9.7%), seperti di *Carta 5.1*. Pengembangan **M1** mencerminkan permintaan terhadap baki urus niaga yang kukuh berikutan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi serta aktiviti perniagaan dan prestasi pasaran saham yang bertambah baik.

Agregat monetari secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM29,154 juta pada enam bulan pertama 2004. Pertumbuhan ini disebabkan terutamanya oleh pembiayaan yang lebih tinggi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan (RM16,138 juta), serta pengembangan operasi luar bersih (RM39,346 juta), mencerminkan penghantaran berterusan perolehan eksport dan aliran masuk dana asing untuk pelaburan portfolio

CARTA 5.1

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia.

dan pelaburan langsung. Sehingga Jun tahun ini, perolehan eksport telah melebihi bayaran import untuk 80 bulan berturut-turut.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil di persekitaran mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan pada separuh pertama 2004. Berikutan persaingan hebat antara institusi perbankan, kadar pinjaman telah turun sedikit. BLR bank perdagangan turun kepada 5.98% pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: 6%), seperti di *Jadual 5.2*. BLR syarikat kewangan, bagaimanapun, kekal tidak berubah pada 6.9%. Kadar berian pinjaman purata juga menurun ke tahap terendah sebanyak 5.99% bagi bank perdagangan dan 8.76% bagi syarikat kewangan. Kadar deposit tabungan juga menurun antara 10-13 mata asas. Bagaimanapun, kadar deposit tetap 12-bulan meningkat sedikit berikutan kadar minimum yang ditetapkan bagi memastikan pendeposit terus menikmati pulangan benar positif.

JADUAL 5.2

Kadar Faedah Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan (%)

	Akhir 1998	Akhir 2003	Akhir Jun 2004	Perubahan berbanding Akhir 2003
Bank Perdagangan				
Berian pinjaman asas	8.04	6.00	5.98	-0.02
Berian pinjaman purata	9.72	6.11	5.99	-0.12
Deposit tabungan	3.87	1.86	1.73	-0.13
Deposit tetap 1-bulan	5.82	3.00	3.00	0.00
Deposit tetap 12-bulan	5.74	3.68	3.70	+0.02
Syarikat Kewangan				
Berian pinjaman asas	9.50	6.90	6.90	0.00
Berian pinjaman purata	11.76	9.11	8.76	-0.35
Deposit tabungan	5.01	2.18	1.99	-0.10
Deposit tetap 1-bulan	6.35	3.00	3.00	0.00
Deposit tetap 12-bulan	6.57	3.68	3.70	+0.02

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Permintaan pembiayaan oleh sektor swasta adalah lebih tinggi pada enam bulan pertama 2004, disokong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah dan permintaan domestik yang kukuh. Peningkatan sentimen perniagaan dan pengguna juga menyumbang kepada pembiayaan yang lebih tinggi. Pembiayaan sektor swasta kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat 5.1% kepada RM246,158 juta (Januari-Jun 2003: RM234,235 juta), seperti di *Carta 5.2*. Pinjaman bank kekal sebagai sumber utama pembiayaan, dengan menyumbang lebih 90% daripada jumlah pembiayaan kasar. Meskipun demikian, langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosikan pasaran PDS sebagai sumber pembiayaan alternatif sejak krisis kewangan, terutamanya bagi projek dengan tempoh tunggu hasil yang panjang, didapati telah berjaya. Jumlah PDS terkumpul sebagai peratus KDNK meningkat kepada 35.2% pada akhir Jun 2004 (akhir 1998: 16.5%).


Semua penunjuk pinjaman mencatatkan pertumbuhan dua angka, berikutan peningkatan aktiviti perniagaan dan perbelanjaan pengguna yang kukuh. Jumlah permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan

masing-masing meningkat kepada RM129,199 juta, RM83,748 juta dan RM234,825 juta pada enam bulan pertama 2004 (Januari-Jun 2003: RM109,099 juta; RM73,717 juta; RM204,912 juta), seperti di *Jadual 5.3*. Pembiayaan isi rumah kekal teguh dengan permohonan pinjaman meningkat 32.3% dirangsang oleh kadar faedah yang kompetitif, terutamanya bagi pembelian harta kediaman. Permintaan pinjaman perumahan yang lebih tinggi untuk harta kediaman juga disebabkan pelbagai insentif seperti pelepasan cukai serta pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah yang disediakan untuk pembeli rumah di bawah Pakej Strategi Baru pada Mei 2003.

Pinjaman bank kepada sektor utama PKS kekal kukuh dengan peningkatan 10.5% kepada RM14,016 juta (Januari-Jun 2003: RM12,680 juta) bagi 40,864 akaun PKS (Januari-Jun 2003: 38,041 akaun PKS). Pengeluaran pinjaman kepada PKS juga meningkat kukuh sebanyak 20.5% kepada RM48,470 juta (Januari-Jun 2003: RM40,221 juta). Dari segi pembahagian, pinjaman

CARTA 5.2

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.3

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman

Penunjuk	RM juta		% pertumbuhan tahunan	
			Januari-Jun	
	2003	2004	2003	2004
Jumlah				
Permohonan pinjaman	109,099	129,199	2.2	18.4
Kelulusan pinjaman	73,717	83,748	10.3	13.6
Pengeluaran pinjaman	204,912	234,825	0.1	14.6
Bayaran balik pinjaman	197,658	222,805	0.4	12.7
di mana:				
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	22,548	25,035	n.a	11.0
Kelulusan pinjaman	12,680	14,016	n.a	10.5
Pengeluaran pinjaman	40,221	48,470	n.a	20.5
Bayaran balik pinjaman	n.a	n.a	n.a	n.a
PKS				
Permohonan pinjaman	39,737	43,645	n.a	9.8
Kelulusan pinjaman	25,383	26,770	n.a	5.5
Pengeluaran pinjaman	99,382	112,543	n.a	13.2
Bayaran balik pinjaman	n.a	n.a	n.a	n.a
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	44,953	59,451	14.1	32.3
Kelulusan pinjaman	34,146	42,096	4.4	23.3
Pengeluaran pinjaman	53,462	62,260	4.3	16.5
Bayaran balik pinjaman	44,073	52,369	7.5	18.8

Nota: Data penunjuk pinjaman bagi PKS hanya boleh didapati dari Januari 2003.


Sumber: Bank Negara Malaysia.

kepada PKS merupakan 38.4% daripada jumlah pinjaman perniagaan dan 17% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir 2003: 38.4%; 17.3%).

Bagi melengkapkan beberapa langkah yang diambil untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS, satu Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil (SDRC) telah ditubuhkan pada November 2003 bagi membantu penyusunan semula pinjaman tidak berbayar (NPL) PKS yang masih beroperasi serta membantu keperluan pembiayaan mereka. Pada masa yang sama, Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil juga ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM800 juta untuk menyediakan pembiayaan baru kepada PKS yang berdaya maju dan sedang dalam proses penyusunan semula pinjaman. Sejak penubuhan hingga Jun 2004, SDRC telah menerima 129 permohonan untuk penyusunan semula NPL PKS berjumlah RM114 juta, di mana 50 permohonan berjumlah RM41 juta telah diluluskan.

CARTA 5.3

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul dan Pertumbuhan



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat 6.2% kepada RM492,772 juta pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: 4.8%; RM473,776 juta), seperti di *Carta 5.3* dan *Jadual 5.4*. Pinjaman kepada sektor isi rumah berkembang 13.6% kepada RM245,137 juta (akhir 2003: 12.8%; RM231,075 juta), terutamanya bagi pembelian harta kediaman dan kereta penumpang, yang merupakan bahagian ketara sebanyak 49.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir Jun 2004. Pinjaman kepada sektor perniagaan menyumbang RM218,523 juta atau 44.3%, (bahagian PKS sebanyak 17%), dan kebanyakannya disalurkan kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel serta pembinaan.

Kadar pertukaran ringgit mula mengukuh pada tahun 2004 sejajar dengan dolar AS, selepas penyusutan berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau pada tahun 2003, seperti di *Carta 5.4*. Dolar AS yang lebih kukuh disokong oleh keadaan ekonomi AS yang bertambah baik serta jangkaan peningkatan kadar faedah. Bagaimanapun, paun sterling meningkat berbanding dolar AS berlandaskan jangkaan kenaikan kadar faedah yang lebih tinggi untuk menangani tekanan inflasi di UK.

JADUAL 5.4

Sistem Perbankan: Haluan Berian Pinjaman¹


Sektor	RM juta			% sumbangan Akhir Jun 2004
	Disember 2003	Akhir Jun 2004	Perubahan	
Pertanian, memburu, perhutanan dan perikanan	10,514.1	11,472.3	958.2	2.3
Perlombongan dan kuari	1,096.1	1,025.7	-70.4	0.2
Pembuatan	61,083.2	63,350.3	2,267.2	12.9
Elektrik, gas dan air	5,066.0	5,386.3	320.3	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	39,161.8	40,426.9	1,265.1	8.2
Sektor harta benda yang luas	188,713.7	197,390.1	8,676.4	40.1
Pembinaan	29,482.6	29,560.2	77.6	6.0
Pembelian harta kediaman	116,552.9	124,437.3	7,884.4	25.3
Pembelian rumah bukan kediaman	28,798.0	29,719.4	921.4	6.0
Harta tanah	13,880.2	13,673.2	-207.0	2.8
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	10,727.8	11,729.0	1,001.2	2.4
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	29,527.4	29,725.7	468.3	6.0
Kredit penggunaan	89,277.5	94,961.9	5,684.4	19.3
di mana:				
Kad kredit	12,236.5	12,671.1	434.6	2.6
Pembelian kereta penumpang	61,491.1	65,841.2	4,350.1	13.4
Pembelian sekuriti	19,806.6	19,490.6	-316.0	4.0
Pembelian kenderaan pengangkutan	3,304.2	2,554.0	-640.2	0.5
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	4,968.6	5,174.8	206.2	1.1
Lain-lain	10,799.7	9,974.4	-825.3	2.0
Jumlah pinjaman terkumpul²	473,776.5	492,772.2	18,995.7	100.0

¹ Termasuk bank Islam.

² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.4

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Ringgit mengukuh berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.8%-8.5% pada lapan bulan pertama 2004, seperti di *Jadual 5.5*. Ini terutamanya didorong oleh kebimbangan terhadap kesan kenaikan harga minyak, perkembangan politik yang tidak menentu di sesetengah negara serta peningkatan kadar faedah seterusnya di AS. Mata wang won Korea meningkat berbanding ringgit, disokong oleh eksport dan aliran masuk ekuiti yang kukuh.

Kedudukan Sistem Perbankan***Sistem perbankan bertambah teguh dengan pengukuhan modal asas dan penurunan NPL...***

Kedudukan sistem perbankan kekal kukuh seperti dicerminkan oleh peningkatan kualiti aset. NPL berdasarkan klasifikasi 6-bulan menurun sebanyak RM1,847 juta daripada RM54,798 juta pada akhir 2003 kepada RM52,951 juta pada akhir Jun 2004. Penurunan NPL adalah berikutan pemulihan pinjaman yang bertambah baik sejajar dengan keadaan ekonomi yang lebih

JADUAL 5.5

Prestasi Ringgit Berbanding Mata wang Terpilih

RM kepada mata wang asing ¹	2 September 1998	Akhir 2003	Akhir Ogos 2004	% perubahan berbanding	
				2 September 1998	Akhir 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0
Paun Sterling	6.3708	6.7678	6.8007	-6.3	-0.5
Euro ²	-	4.7783	4.5621	-	4.7
Yen Jepun (100)	2.7742	3.5546	3.4478	-19.5	3.1
Dolar Singapura	2.1998	2.2342	2.2166	-0.8	0.8
Baht Thailand (100)	9.3713	9.5947	9.1182	2.8	5.2
Peso Filipina (100)	8.8302	6.8431	6.7559	30.7	1.3
Rupiah Indonesia (100)	0.0354	0.0449	0.0406	-12.8	10.6
Won Korea (100)	0.2827	0.3180	0.3294	-14.2	-3.5


¹ Kadar antara bank pada 12.00 tengahari di Kuala Lumpur adalah purata antara harga belian tertinggi dan harga jualan terendah.

² Euro diperkenalkan pada Januari 1999.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.5

Sistem Perbankan: NPL Kasar, Nisbah NPL Bersih, Nisbah Modal Berwajaran Risiko dan Nisbah Modal Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia.

menggalakkan, seperti di Carta 5.5. Begitu juga, nisbah NPL bersih menurun kepada 6.2% pada Jun 2004 (akhir 2003: 6.8%).

Sistem perbankan semakin kukuh seperti dicerminkan oleh peningkatan modal asas daripada RM71,533 juta pada akhir 2003 kepada RM75,296 juta pada akhir Jun 2004, hasil daripada perolehan yang lebih baik serta aktiviti peningkatan modal oleh beberapa institusi perbankan. Begitu juga, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal utama (CCR) masing-masing kekal melebihi tahap 13% dan 10% sejak Jun 2002. RWCR dan CCR sistem perbankan masing-masing berada pada tahap 13.7% dan 11.1% pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: 13.8%; 11.1%), iaitu jauh melebihi keperluan minimum Basel, iaitu masing-masing sebanyak 8% dan 4%.

Penstrukturan Semula Sektor Kewangan

Danamodal menamatkan operasi, manakala Danaharta mencapai kejayaan baik serta menebus bon mengikut jadual...

Penstrukturan semula sektor kewangan di Malaysia mencapai satu lagi mercu yang penting berikutan penamatan operasi pada Februari 2004 oleh **Danamodal**, satu daripada tiga institusi yang ditubuhkan untuk menangani masalah sistem perbankan semasa krisis kewangan Asia. Danamodal adalah satu jentera khas yang ditubuhkan untuk menyuntik modal ke dalam institusi perbankan. Ditubuhkan dengan objektif dan jangka hayat tertentu, Danamodal merupakan institusi kedua yang menamatkan operasi selepas

pembubaran CDRC pada Ogos 2002. Dalam tempoh hayat lima tahun, Danamodal telah menyuntik modal ke dalam sepuluh institusi perbankan berjumlah RM7,590 juta, jauh lebih rendah daripada anggaran awal yang diperlukan sebanyak RM16,000 juta. Danamodal juga telah menebus keseluruhan bon berjumlah RM11,000 juta pada Oktober 2003. Bon ini telah diterbitkan pada tahun 1998 untuk membiayai suntikan modal institusi perbankan.

Danaharta, syarikat pengurusan aset nasional, juga mencapai kemajuan yang baik ke arah menamatkan operasinya pada akhir 2005. Pada akhir Jun 2004, Danaharta telah berjaya menebus lapan *tranche* bon dengan nilai muka sebanyak RM8,647 juta seperti dijadualkan, merupakan 78% daripada jumlah bon yang diterbitkan. Baki tujuh *tranche* bon berjumlah RM2,493 juta akan ditebus pada setiap suku tahun yang berikutnya sehingga 31 Mac 2005. Danaharta telah menerbitkan sejumlah RM11,140 juta bon dalam 15 *tranche* antara November 1998 dan Mac 2000 untuk membiayai perolehan NPL semasa krisis kewangan. Pada akhir Jun 2004, Danaharta dijangka dapat mengutip RM30,990 juta daripada portfolio NPL yang berjumlah RM52,440 juta (nilai hak pinjaman diperoleh dicampur faedah terakru), iaitu bersamaan dengan kadar pemulihan sebanyak 59%.

Kemajuan Pelan Induk Sektor Kewangan

Meningkatkan daya tahan dan kestabilan sektor kewangan...

PISK yang dilancarkan pada Mac 2001, menggariskan strategi bagi pembangunan sektor kewangan untuk tempoh 10 tahun. PISK mengandungi sejumlah 119 saranan yang akan dilaksanakan dalam tiga fasa dari tahun 2001 hingga 2010. Sejajar dengan objektif PISK untuk membangunkan sistem kewangan yang lebih kompetitif, berdaya tahan dan dinamik, inisiatif yang diambil dalam Fasa 1 telah ditumpukan kepada peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik bagi mempertingkatkan tahap keberkesanan dan daya saing mereka. Langkah-langkah juga disasarkan kepada usaha memperkukuhkan rangka kerja

pengawalseliaan, menggalakkan sistem pembayaran yang lebih selamat dan efisien serta membangunkan rangka kerja bagi pendidikan dan perlindungan pengguna.

Fasa 1 PISK telah menghasilkan kesan positif dengan peningkatan pencapaian oleh industri perbankan domestik dari segi permodalan, keuntungan dan kos, seperti di *Jadual 5.6*. Begitu juga, industri insurans telah mencapai peningkatan kemajuan dalam Fasa 1. Kedudukan modal industri insurans am bertambah kukuh dengan purata modal meningkat sebanyak 54.3% daripada RM92 juta pada tahun 2000 kepada RM142 juta pada tahun 2003. Penanggung insurans domestik terus menguasai pasaran sebanyak 73.3% daripada premium kasar insurans am pada akhir 2003. Produktiviti pekerja yang diukur berdasarkan premium kasar yang dijana bagi setiap pekerja meningkat dengan ketara sebanyak 60% kepada RM797,923 pada tahun 2003 daripada RM498,857 pada tahun 2000. Keuntungan keseluruhan juga meningkat, dengan penanggung insurans domestik mencapai pulangan ekuiti yang lebih tinggi sebanyak 24.7% berbanding 20.4% bagi penanggung insurans asing pada tahun 2003.

Menuju ke hadapan dalam Fasa 2 PISK, lebih inisiatif akan ditumpukan untuk memastikan persaingan yang saksama antara peserta domestik dan asing dalam sistem kewangan.

JADUAL 5.6

Penunjuk Perbankan Terpilih

	Akhir 2001	Akhir 2003
Purata jumlah aset (RM juta)	18,096 ¹	47,921 ²
Dana pemegang saham (RM juta)	1,437 ¹	4,033 ²
Pulangan aset (%)	0.7	1.2
Pulangan ekuiti (%)	8.4	13.4
Keuntungan sebelum cukai setiap pekerja (RM)	50,196	108,728
Nisbah kos kepada pendapatan (%)	41.2	40.1

¹ Pada akhir 1999.

² Pada akhir Jun 2004.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pada masa yang sama, usaha akan terus ditumpukan ke arah memperkukuhkan lagi daya tahan, kestabilan, kecekapan dan keberkesanan sistem kewangan. Pelaksanaan PISK terus berada pada kedudukan yang baik. Pada akhir Jun 2004, sebanyak 33 saranan PISK telah selesai dilaksanakan sepenuhnya di samping 24 saranan lagi yang dilaksanakan secara berterusan.

Perbankan Islam

Liberalisasi perbankan Islam lebih awal daripada yang dijadualkan...

Perbankan Islam berkembang pada enam bulan pertama 2004, dengan mengekalkan bahagian pasaran dari segi aset dan deposit pada tahap tahun 2003 dan meningkatkan syer pasaran pembiayaan. Aset perbankan Islam meningkat kepada RM89,077 juta untuk menguasai 9.9% daripada jumlah aset perbankan pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM82,182 juta; 9.7%), seperti di *Jadual 5.7*. Pembiayaan Islam meningkat 11.3% kepada RM54,108 juta merangkumi sebanyak 11% daripada jumlah pembiayaan sistem perbankan (akhir 2003: RM48,612 juta; 10.3%). Sebahagian besar pertumbuhan pembiayaan Islam disebabkan permintaan pembiayaan pengguna yang lebih tinggi bagi kereta penumpang dan harta kediaman. Deposit perbankan Islam meningkat kepada RM63,922 juta, merangkumi 10.4% daripada jumlah deposit perbankan (akhir 2003: RM60,212 juta; 10.4%).

Langkah-langkah lanjut telah diambil untuk memperkukuh dan mempromosikan industri perbankan Islam di Malaysia pada tempoh separuh pertama 2004. Di peringkat domestik, langkah ini termasuk mengeluarkan Garis Panduan Keperluan Kelulusan Produk Baru Bagi Institusi Perbankan Islam untuk memberi lebih kejelasan, ketelusan serta kelulusan produk yang lebih cepat. Garis Panduan Kad Kredit-i juga dikeluarkan bagi membolehkan institusi perbankan Islam untuk menawarkan kad kredit berdasarkan kontrak *bai'inah* (perjanjian jual dan beli balik) atau *bai'bithaman ajil* (jualan dengan bayaran tertangguh).

JADUAL 5.7

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	RM juta		% perubahan
	Akhir 2003	Akhir Jun 2004	
Aset	82,182	89,077	8.4
Deposit	60,212	63,922	6.2
di mana:			
Pelaburan	35,228	36,100	2.5
Simpanan	6,866	7,674	11.8
Permintaan	10,973	11,629	6.0
Lain-lain	7,145	8,519	19.2
Pembiayaan	48,612	54,108	11.3
di mana:			
Harta kediaman	14,344	15,322	6.8
Kereta penumpang	11,815	13,692	15.9

Sumber: Bank Negara Malaysia.

BNM juga mengeluarkan Garis Panduan Jawatan Pengarah Bagi Bank-bank Islam yang menggariskan tugas dan tanggungjawab utama ahli lembaga pengarah bagi sesebuah bank Islam, bertujuan meningkatkan ketelusan dan urus tadbir korporat. Selain itu, pindaan telah dibuat terhadap Akta Bank Negara Malaysia, 1958 bagi menaik taraf Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM sebagai badan syariah yang tunggal berkaitan perbankan dan institusi kewangan Islam yang terletak di bawah pengawalseliaan BNM. MPS juga menjadi tempat rujukan mahkamah atau penimbang tara dalam penyelesaian pertikaian yang melibatkan isu syariah dalam kes perbankan dan kewangan Islam.

Perkembangan ketara merupakan liberalisasi perbankan Islam, tiga tahun lebih awal daripada yang dijadualkan di bawah PISK, berikutan kelulusan pada Mei 2004 untuk penubuhan sebuah bank Islam asing yang baru di Malaysia. Di samping itu, dua bank perdagangan domestik juga diberi kelulusan secara prinsip pada Julai tahun ini untuk melaksanakan operasi perbankan Islam sepenuhnya. Langkah ini dijangka akan memacu lagi pertumbuhan perbankan Islam.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia kekal berketrampilan dalam pembangunan perbankan dan kewangan Islam. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI), yang ditubuhkan di Kuala Lumpur pada November 2002, dengan Malaysia sebagai sekretariat, kini lebih menonjol dan telah menarik penyertaan agensi antarabangsa pelbagai hala, seperti Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia, Bank for International Settlements dan Bank Pembangunan Asia sebagai ahli bersekutu. Malaysia juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Bank Pembangunan Islam pada Jun 2004, membuka laluan bagi lebih kerjasama antara negara dalam Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dalam aktiviti ekonomi dan kewangan utama. Antara lain, MOU tersebut akan memperkukuhkan pengaturannya pembiayaan bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan serta pembangunan pasaran kewangan Islam.

Institusi Kewangan Pembangunan

IKP menambahkan pinjaman kepada sektor keutamaan...

Institusi kewangan pembangunan (IKP) memainkan peranan penting dalam melengkapi sistem perbankan melalui penyediaan perkhidmatan kewangan dan nasihat kepada sektor keutamaan yang telah dikenalpasti seperti pertanian, infrastruktur, usahawan Bumiputera, perkapalan, industri berintensif modal dan berteknologi tinggi, perkilangan dan eksport. Sementara IKP juga menyumbang ke arah menggalakkan pemilikan rumah dan pembangunan hartanah di peringkat negeri iaitu di Sabah dan Sarawak. Jumlah pinjaman terkumpul sepuluh IKP yang ditinjau mengembang sebanyak 7.9% kepada RM33,052 juta pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM30,646 juta), seperti di *Jadual 5.8*. Pertumbuhan pinjaman dipacu oleh pinjaman kepada projek infrastruktur di bawah sektor pengangkutan dan penyimpanan dengan peningkatan sebanyak RM812 juta atau 18.3%. Pertumbuhan sebanyak 15.9% dicatat oleh sektor pembuatan, merangkumi 11.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP.

JADUAL 5.8

Haluan Berian Pinjaman Oleh IKP

Sektor	RM juta		% sumbangan	
	Akhir 2003	Akhir Jun 2004	Akhir 2003	Akhir Jun 2004
Pembuatan	3,379.3	3,916.7	11.0	11.8
Pertanian	3,242.1	3,014.1	10.6	9.1
Harta tanah & pembinaan	8,118.3	8,151.2	26.5	24.7
Perdagangan am	392.4	292.3	1.3	0.9
Pengangkutan & penyimpanan	4,432.2	5,244.1	14.5	15.9
Lain-lain	11,081.8	12,433.3	36.1	37.6
Jumlah	30,646.1	33,051.7	100.0	100.0

¹ Merangkumi Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Skim mikro kredit Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) terus mendapat sambutan yang menggalakkan. Sejak diperkenalkan pada Jun 2003 dan sehingga Jun tahun ini, kedua-dua institusi ini telah menerima 156,567 permohonan dan meluluskan RM926 juta yang memanfaatkan 91,000 individu dan perusahaan kecil.

Jumlah sumber IKP meningkat 3.7% kepada RM63.9 bilion pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM61.7 bilion). Peningkatan ini mencerminkan pinjaman yang tinggi daripada Kerajaan kepada RM10.7 bilion (akhir 2003: RM9.1 bilion) merangkumi 18.3% daripada jumlah sumber IKP. Sebahagian besar peminjaman ini bagi membiayai projek infrastruktur Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB). IKP juga dibiayai oleh dana pemegang saham berjumlah RM8.1 bilion atau 15.4% dari jumlah sumber.

Industri Insurans

Pertumbuhan kukuh dipacu oleh polisi berkaitan pelaburan dan endowmen...

Industri insurans terus memainkan peranan penting dalam ekonomi dengan memudahkan pindahan risiko ekonomi di samping menggerakkan simpanan jangka panjang untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Industri ini yang terdiri daripada perniagaan insurans hayat dan insurans am mengekalkan momentum pertumbuhan kukuh pada enam bulan pertama 2004, disokong oleh peningkatan ekonomi. Jumlah pendapatan premium insurans hayat dan am meningkat 21.5% kepada RM10,626 juta (Januari-Jun 2003: 11.6%; RM8,748 juta), dengan sebahagian besar disumbangkan oleh sektor hayat, seperti di *Jadual 5.9*. Permintaan yang kukuh untuk produk berkaitan pelaburan dan endowmen merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan perniagaan baru dalam insurans hayat. Ini mencerminkan perubahan pilihan pengguna kepada polisi berkaitan pelaburan berbanding polisi yang berteraskan perlindungan sahaja.

Jumlah manfaat dan tuntutan yang dibayar oleh industri insurans meningkat sebanyak 19.2% kepada RM4,384 juta (Januari-Jun 2003: 4.3%; RM3,677 juta). Pembayaran manfaat yang lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan tuntutan perubatan dan pembatalan unit berkaitan pelaburan oleh pemegang polisi untuk pengambilan untung ke atas modal berikutan prestasi pasaran ekuiti yang lebih menggalakkan pada suku pertama 2004.

Dengan jumlah aset yang besar, industri insurans terus menyediakan sumber dana yang penting untuk aktiviti ekonomi. Aset kumpulan wang insurans berkembang sebanyak 6.4% kepada RM81,757 juta pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM76,807 juta), dengan sebahagian besarnya disumbang oleh pertumbuhan sebanyak 8% dalam aset kumpulan wang insurans hayat, seperti di *Jadual 5.10*. Pelaburan kumpulan wang insurans dalam sekuriti korporat dan hutang kekal dominan dengan jumlah sebanyak RM35,699 juta pada akhir Jun 2004 dan menyumbang bahagian terbesar sebanyak 43.7% (akhir 2003: 45.1%) daripada jumlah aset kumpulan wang.

JADUAL 5.9

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 2003	Akhir Jun 2004 ^P
Perniagaan insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,602	713
Jumlah diinsuranskan	168,594.4	85,176.1
Jumlah premium	4,852.0	3,175.2
Perniagaan berkuatkuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	9,230	9468
Jumlah diinsuranskan	538,779.3	562,438.6
Premium tahunan	10,246.0	10,675.7
Pendapatan premium	12,374.4	7,224.4
Bayaran manfaat		
Kematian dan hilang upaya	4,593.9	2,533.6
Cukup tempoh/ <i>vesting</i>	662.3	352.3
Serahan/unit pembatalan bersih	927.5	492.9
Bonus tunai	1,440.0	810.2
Perubatan	582.3	329.8
Lain-lain	448.8	279.5
	533.0	268.9
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	8,186.3	4,407.2
Premium bersih	6,437.9	3,401.1
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	1,084.1	542.0
Nisbah bendungan ¹ (%)	85.6	86.3
Bilangan syarikat insurans		
Langsung:		
Hayat	43	43
Am	7	7
Komposit	27	27
Penginsurans semula:		
Hayat	9	9
Am	10	10
Komposit	1	1

^P Data awal.

¹ Premium bersih kepada premium langsung kasar dan premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.10

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am

RM juta

	Insurans Hayat		Insurans Am	
	Akhir 2003	Akhir Jun 2004 ^P	Akhir 2003	Akhir Jun 2004 ^P
Aset tetap	439.3	401.2	734.3	726.4
Pinjaman	7,619.6	8,321.1	242.4	220.4
Sekuriti Kerajaan	10,004.3	11,121.2	1,922.1	1,830.5
Hutang dijamin Kerajaan	-	-	30.2	10.1
Sekuriti korporat dan hutang	29,249.5	30,121.1	5,370.8	5,578.4
Pelaburan harta tanah	2,661.1	2,748.8	454.6	435.4
Wang tunai dan deposit	8,258.0	10,575.6	6,010.4	6,045.8
Aset lain*	1,963.7	1,739.6	1,846.7	1,881.6
Jumlah	60,195.5	65,028.6	16,611.5	16,728.6

^P Data awal.

* Termasuk pelaburan lain dan aset asing lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang dipegang oleh syarikat insurans berjumlah RM12,952 juta dan menyumbang sebanyak 15.6% daripada jumlah keseluruhan SKM pada akhir Jun 2004.

Premium perniagaan baru **insurans hayat** meningkat ketara sebanyak 53.7% kepada RM3,175 juta pada enam bulan pertama 2004 (Januari-Jun 2003: 24.5%; RM2,066 juta). Peningkatan ini hasil daripada jualan produk berkaitan pelaburan dan endowmen yang lebih tinggi dengan premium masing-masing berjumlah RM1,186 juta dan RM940 juta premium (Januari-Jun 2003: RM584 juta; RM505 juta). Sejalan dengan pertumbuhan ini, sumbangan produk berkaitan pelaburan dan endowmen masing-masing menyumbang bahagian ketara sebanyak 37.4% dan 29.6% bahagian pada enam bulan pertama 2004 (2003: 28%; 31.2%). Insurans perubatan dan kesihatan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 20% kepada RM774 juta (Januari-Jun 2003: 27.8%; RM645 juta) sejajar dengan peningkatan permintaan pengguna bagi perlindungan hospital dan perubatan yang lebih baik. Penembusan pasaran yang diukur dari segi bilangan polisi berkuatkuasa

kepada jumlah penduduk, meningkat kepada 37% pada Jun 2004 (2003: 36.7%), mencerminkan potensi besar untuk mempertingkatkan lagi penembusan pasaran.

Pertumbuhan premium baru yang kukuh di samping keadaan pelaburan yang lebih baik, terutamanya di pasaran ekuiti pada suku pertama 2004 telah merangsang keuntungan keseluruhan sektor hayat. Hasilnya, lebih pendapatan berbanding wang keluar meningkat sebanyak 49.1% kepada RM5,792 juta pada enam bulan pertama tahun ini (Januari-Jun 2003: RM3,884 juta). Jumlah aset kumpulan wang insurans hayat terus meningkat sebanyak 8% kepada RM65,029 juta pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM60,196 juta).

Pertumbuhan **sektor insurans am** adalah sederhana pada enam bulan pertama 2004 dengan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kebanyakan kelas perniagaan, termasuk dua kelas utama iaitu perniagaan bermotor dan kebakaran. Jumlah premium langsung kasar meningkat sebanyak 4.1% kepada RM4,407 juta (Januari-Jun 2003: 11.5%; RM4,233 juta). Perniagaan insurans kenderaan bermotor kekal menjadi kategori terbesar, menyumbang 42.8% kepada jumlah premium langsung kasar.

Keseluruhan nisbah bendungan bagi perniagaan insurans am meningkat kepada 86.3% pada enam bulan pertama 2004 (Januari-Jun 2003: 83.3%) berikutan bendungan yang lebih tinggi dicatat oleh kedua-dua penanggung insurans langsung dan penanggung semula insurans profesional, terutamanya dalam perniagaan kebakaran. Dengan peningkatan premium bersih yang dibendung dan hasil pelaburan yang positif, keuntungan kendalian sektor insurans am mencapai RM674 juta (Januari-Jun 2003: RM638 juta). Jumlah aset kumpulan insurans am meningkat sedikit kepada RM16,729 juta pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM16,612 juta).

Takaful

Pertumbuhan mapan mencerminkan peningkatan penerimaan...

Industri takaful terus berkembang seiring dengan prestasi ekonomi yang lebih baik serta

peningkatan populariti produk kewangan Islam. Caruman takaful keluarga dan am meningkat sebanyak 6.8% kepada RM557 juta pada enam bulan pertama 2004 (Januari-Jun 2003: 23.1%; RM522 juta), menyumbang sebanyak 5.5% daripada jumlah caruman sektor insurans, seperti di *Jadual 5.11*. Begitu juga, jumlah aset kumpulan wang takaful meningkat 16.5% kepada RM4,734 juta (Januari-Jun 2003: 22.1%; RM4,065 juta), menyumbang sebanyak 5.6% daripada jumlah aset sektor insurans.

JADUAL 5.11

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Tahun Kewangan 2003	Akhir Jun 2004
Aset¹ (RM juta)	4,429.1	4,733.7
Terbitan Pelaburan Kerajaan	426.8	487.1
Deposit pelaburan:		
Bank Islam Malaysia Bhd.	105.4	180.8
Lain-lain	1,434.0	1,442.8
PDS dan ekuiti Islam	2,047.7	2,266.7
Wang tunai dan simpanan	103.7	39.6
Pembiayaan	97.6	59.5
Aset tetap	108.3	107.5
Lain-lain	105.6	149.7
Caruman² (RM juta)	1,014.0	557.2
Perniagaan Takaful Keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah caruman (RM juta)	511.0	258.0
Jumlah penyertaan (RM juta)	18,330.0	14,525.6
Bilangan sijil	265,035	132,077
Perniagaan berkuatkuasa:		
Jumlah caruman (RM juta)	394.2	418.5
Jumlah penyertaan (RM juta)	63,573.8	85,157.1
Bilangan sijil	1,128,446	1,184,844
Perniagaan Takaful Am		
Caruman kasar (RM juta)	403.0	256.7
Tuntutan bersih yang dibayar (RM juta)	78.7	37.5

¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga dan am.

² Caruman bersih kumpulan wang takaful keluarga dan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Caruman perniagaan baru **takaful keluarga** menurun 8.9% kepada RM258 juta pada enam bulan pertama 2004 (Januari-Jun 2003: 25.5%; RM283 juta). Caruman ini terutamanya dijana daripada pelan takaful gadai janji, disokong oleh pertumbuhan pembiayaan gadai janji Islam oleh institusi perbankan Islam di samping kemudahan pembiayaan Islam yang disediakan oleh Kerajaan untuk kakitangan awam. Caruman perniagaan baru pelan takaful anuiti mencatatkan sejumlah 260 sijil melibatkan RM1 juta (Januari-Jun 2003: 455 sijil; RM2 juta). Pelan takaful berkaitan pelaburan yang diperkenalkan pada tahun 2003 juga berkembang dengan 1,170 sijil dan caruman sebanyak RM5 juta. Penembusan pasaran industri takaful yang diukur berdasarkan bilangan sijil yang berkuatkuasa kepada jumlah penduduk telah meningkat kepada 4.6% pada Jun 2004 (2003: 4.5%).

Perniagaan **takaful am** terus berkembang dengan jumlah caruman kasar meningkat sebanyak 21.2% kepada RM257 juta pada enam bulan pertama 2004, melebihi caruman sebanyak RM212 juta pada tempoh yang sama 2003. Caruman kasar bagi sektor kebakaran meningkat 7.8% kepada RM103 juta (Januari-Jun 2003: RM96 juta) dan kekal sebagai sektor dominan dengan 40.3% daripada jumlah caruman kasar. Sektor kenderaan bermotor dengan caruman kasar sebanyak RM71 juta dan 27.5% syer merupakan sektor kedua terbesar. Tuntutan bersih yang dibayar oleh industri berjumlah RM37 juta, meningkat berbanding RM32 juta pada tempoh yang sama 2003. Sebahagian besar peningkatan dalam tuntutan bersih disumbang oleh tuntutan pihak ketiga dan kecederaan anggota di bawah sektor kenderaan bermotor.

Pasaran Modal

Dana yang diperoleh lebih rendah disebabkan penerbitan PDS yang perlahan...

Jumlah dana kasar yang diperoleh melalui pasaran modal adalah lebih rendah sebanyak RM43,777 juta pada enam bulan pertama 2004 (Januari-Jun 2003: RM60,818 juta), seperti di *Jadual 5.12*. Kerajaan telah memperoleh RM25,764 juta menerusi penerbitan SKM pada enam bulan pertama 2004, rendah sedikit

JADUAL 5.12

**Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal
Januari-Jun
(RM juta)**

	2003	2004 ^P
Oleh sektor awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	25,861.6	25,763.5
Bon Khazanah	1,739.6	0.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	1,729.4	1,440.1
Bon Simpanan Merdeka	0.0	1,000.0
Sekuriti hutang baru Kerajaan	29,330.6	28,203.6
Tolak Penebusan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11,800.0	15,200.0
Bon Khazanah	1,000.0	1,000.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	0.0	2,000.0
Bon Simpanan Merdeka	4.4	457.7
Dana bersih diperoleh	16,526.2	9,546.0
Oleh sektor swasta		
Saham¹		
Tawaran awam permulaan	409.5	736.0
Terbitan hak	332.9	797.6
Tawaran persendirian	234.6	437.0
Terbitan khas	73.1	16.2
Waran	120.7	47.7
Terbitan saham baru	1,170.8	2,034.6
Sekuriti hutang² (kasar)		
Bon langsung	20,056.9	889.4
Bon boleh tukar	769.8	2,220.2
Bon Islam	6,815.0	890.9
Bon bersandarkan aset	510.0	1,402.5
Bon dengan waran	0.0	0.0
Nota jangka sederhana ³	-	3,896.0
Bon Cagamas	2,165.0	4,240.0
Terbitan baru sekuriti hutang	30,316.7	13,539.0
Tolak Penebusan		
Sekuriti hutang swasta ⁴	8,480.6	11,316.0
Bon Cagamas	3,297.0	4,170.0
Terbitan bersih sekuriti hutang baru	18,539.1	(1,947.0)
Dana bersih yang diperoleh	19,709.9	87.5
Jumlah dana bersih diperoleh	36,236.1	9,633.6

^P Data awal.

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langgangan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

² Termasuk bon yang diterbitkan oleh insitisi perbankan sejak Julai 2000.

³ Diklasifikasi sebagai instrumen PDS sejak Januari 2004.

⁴ Termasuk bon langsung, bon dengan waran, bon boleh ubah dan bon Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia.

daripada RM25,862 juta pada tempoh yang sama 2003. Sejalan dengan pengumuman dalam Bajet 2004, BNM telah menerbitkan Bon Simpanan Merdeka berjumlah RM1,000 juta bagi memberi pulangan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 5% kepada pesara yang tidak bekerja sepenuh masa dan anggota tentera yang telah bersara.

Penurunan jumlah dana yang diperoleh terutamanya disebabkan kejatuhan mendadak penerbitan PDS sebanyak 55.3% oleh sektor swasta kepada RM13,539 juta (Januari-Jun 2003: RM30,317 juta). Penurunan penerbitan PDS disebabkan kesan tahun asas yang tinggi pada tahun 2003 serta kebimbangan tentang kemungkinan kenaikan dalam pembiayaan bon berikutan jangkaan peningkatan kadar faedah di AS dan sentimen pelabur yang menggalakkan di pasaran ekuiti. Di samping itu, sektor korporat memilih pinjaman bank berikutan kadar faedah jangka pendek yang rendah. Didorong oleh prestasi ekuiti yang lebih baik, dana yang diperoleh daripada tawaran awam permulaan (IPO) dan terbitan hak masing-masing naik ketara sebanyak 79.5% dan 86.7% kepada RM736 juta dan RM798 juta (Januari-Jun 2003: RM410 juta; RM333 juta). Justeru, jumlah bersih dana selepas mengambil kira penebusan juga lebih rendah sebanyak RM9,634 juta (Januari-Jun 2003: RM36,236 juta).

Perkembangan positif merupakan penggunaan sebahagian besar perolehan PDS bagi aktiviti baru berjumlah RM4,669 juta atau separuh daripada jumlah PDS baru pada enam bulan pertama 2004, seperti di *Carta 5.6*. Dana yang diperoleh bagi penstrukturan semula menyumbang RM1,906 juta atau 20.5%. Sejak krisis kewangan, sebahagian besar PDS yang diperoleh telah digunakan bagi tujuan aktiviti penstrukturan dan pembiayaan semula. Arah aliran yang berubah ini menunjukkan sektor korporat yang distruktur semula dan bertambah kukuh berikutan langkah penstrukturan semula sektor kewangan dan hutang, kini bersedia untuk melakukan pengembangan kapasiti dan aktiviti baru. Bon yang diperoleh kebanyakannya dalam sektor pembinaan berjumlah RM4,622 juta atau 49.7% daripada jumlah terbitan baru PDS, seperti di *Jadual 5.13*.

JADUAL 5.13

Terbitan Baru PDS Mengikut Sektor¹ Januari-Jun

Sektor	2003		2004 ^P	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian	410.3	1.5	-	-
Pembuatan	8,776.3	31.2	1,031.8	11.1
Elektrik, gas dan bekalan air	987.0	3.5	1,000.0	10.8
Pembinaan	1,621.0	5.8	4,621.7	49.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,455.3	19.4	50.0	0.5
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan komunikasi	5,433.8	19.3	2,540.6	27.3
Kerajaan dan lain-lain	5,468.0	19.4	55.0	0.6
Jumlah	28,151.7	100.0	9,299.1	100.0

¹ Tidak termasuk bon Cagamas.

^P Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Cagamas, Perbadanan Cagaran Malaysia, kekal sebagai penerbit utama PDS di pasaran modal, dengan sepuluh terbitan berjumlah RM4,640 juta pada tujuh bulan pertama 2004 (Januari-Julai 2003: 18 terbitan; RM8,490 juta), walaupun pasaran PDS yang agak lembap pada keseluruhannya. Sebahagian besar penerbitan merupakan bon kadar tetap dengan sembilan terbitan bernilai RM4,240 juta (Januari-Julai 2003: enam terbitan; RM2,255 juta) untuk membiayai pembelian pinjaman dan hutang syarikat. Permintaan pelabur bagi bon Cagamas kekal kukuh dengan kadar purata berwajaran lebih langgapan sebanyak 2.66 kali.


Dagangan bon Cagamas naik 95.4% kepada RM27,412 juta (Januari-Julai 2003: RM14,026 juta) berikutan penerbitan lebih besar bon Cagamas kadar tetap pada tempoh tersebut. Cagamas kekal sebagai peserta penting dalam pasaran PDS, dengan bon Cagamas belum tebus berjumlah RM25,668 juta atau 15.9% daripada pasaran PDS pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM26,503 juta; 15.6%). Institusi perbankan kekal sebagai pemegang dominan bon Cagamas, dengan RM15,096 juta atau 56.8% daripada

jumlah pada akhir Jun 2004 (akhir 2003: RM15,648 juta; 59%), seperti di *Jadual 5.14*. Pembelian pinjaman dan hutang berkurangan sebanyak 20.1% kepada RM3,592 juta pada tujuh bulan pertama 2004 (Januari-Julai 2003: RM4,498 juta) dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan dan kadar faedah yang stabil. Institusi kewangan memilih memperoleh dana daripada pasaran wang dan pada keseluruhannya kurang cenderung untuk menjual kadar boleh ubah pinjaman perumahan mereka kepada Cagamas. Pembelian hutang sewa beli dan pemajakan, bagaimanapun, meningkat sebanyak 17.5% kepada RM2,275 juta (Januari-Julai 2003: RM1,935 juta) berikutan jangkaan peningkatan kadar faedah masa hadapan yang mendorong institusi kewangan untuk melindungi nilai portfolio kadar tetap dengan lebih giat.

Kedua-dua agensi penarafan kredit terus memainkan peranan penting dalam pasaran bon dengan menyediakan pandangan objektif dan saksama terhadap keupayaan penerbit bagi membuat pembayaran hutang sepenuhnya serta

CARTA 5.6

Terbitan Baru PDS mengikut Penggunaan Januari-Jun



Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.14

Agihan Bon Cagamas

Pemegang	Akhir 2003		Akhir Jun 2004	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Institusi perbankan	15,648	59.0	15,096	56.8
Syarikat insurans	2,442	9.2	2,759	10.4
Kumpulan wang simpanan dan pencen	7,700	29.1	7,101	26.7
Pelabur lain	713	2.7	1,617	6.1
Jumlah	26,503	100.0	26,573	100.0

Sumber: Cagamas.

mengikut jadual masa. Walaupun pada keseluruhannya pasaran PDS agak lembab, bilangan penarafan kredit yang dikendalikan oleh **Rating Agency Malaysia (RAM)** dan **Malaysian Rating Corporation (MARC)** meningkat kepada 86 terbitan bernilai RM26,346 juta pada tujuh bulan pertama 2004 (Januari-Julai 2003: 57 terbitan; RM20,822 juta). Walaupun bilangan penerbitan bon yang telah ditaraf dan diterbitkan meningkat kepada 57 (Januari-Julai 2003: 46 terbitan), nilainya bagaimanapun, agak rendah pada RM11,942 juta (Januari-Julai 2003: RM25,800 juta), berikutan bilangan terbitan bersaiz besar yang lebih kecil. Pasaran PDS telah mendapat manfaat daripada beberapa projek infrastruktur yang besar pada tahun 2003, termasuk Syarikat Prasarana Negara, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan YTL Power Generation.

Dari segi tempoh pegangan, penerbit lebih memilih PDS jangka panjang melebihi lima tahun, dengan 69 terbitan atau 80.2% daripada jumlah penarafan kredit, kerana penerbit ingin mengikat pembiayaan pada kadar faedah yang rendah. Penarafan kredit bagi PDS Islam dan sekuriti bersandarkan aset (ABS) masing-masing naik kepada 36 dan 21 terbitan pada tujuh bulan pertama 2004 (Januari-Julai 2003: 18 terbitan; 8 terbitan), dengan nilai yang lebih tinggi masing-masing sebanyak RM14,913 juta dan RM5,936 juta (Januari-Julai 2003: RM2,725 juta; RM3,452 juta). Pertumbuhan ini menandakan satu perkembangan yang baik selaras dengan usaha untuk membangunkan PDS Islam dan ABS. Dalam tempoh tersebut, RAM telah menaraf 49

terbitan bon berjumlah RM10,373 juta sementara MARC telah menjalankan 37 penarafan kredit bernilai RM15,973 juta, kebanyakannya melibatkan aktiviti utiliti, pembinaan dan kejuruteraan serta harta tanah.

Bursa Malaysia

Prestasi meningkat ekoran sentimen pelabur yang bertambah positif...

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara rasmi menukar namanya kepada **Bursa Malaysia** pada 20 April 2004 selepas demutualisasi bursa. Justeru, semua susidiari keculi Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX), yang sebelum ini mempunyai identiti sendiri telah menerima nama baru merangkumi "Bursa Malaysia" bagi tujuan penjenamaan.

Bursa Malaysia telah mencatat prestasi terbaik di rantau ini pada suku pertama 2004 disokong oleh prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, perolehan korporat yang meningkat serta kemenangan besar Kerajaan dalam pilihan raya umum ke-11. KLCI mencecah tahap 900 mata untuk ditutup pada 901.85 mata pada akhir Mac 2004, mencatat peningkatan mendadak sebanyak 107.9 mata atau 13.6% (akhir 2003: 793.94 mata). Nilai pasaran meningkat kepada RM724.2 bilion (akhir 2003: RM640.3 bilion). Purata urus niaga harian juga lebih tinggi sebanyak 651 juta unit pada tiga bulan pertama 2004 berbanding 214 juta unit pada suku pertama tahun 2003.


Arah aliran yang meningkat ini, bagaimanapun, tidak kekal berikutan sentimen pelabur yang menjadi lembab kerana kebimbangan termasuk kesan ekonomi China yang lebih perlahan terhadap ekonomi serantau, peningkatan kadar faedah AS dan harga minyak global yang lebih tinggi. KLCI turun kepada 819.86 mata pada akhir Jun 2004 dengan nilai pasaran berjumlah RM653.9 bilion. Purata urus niaga harian juga lebih rendah sebanyak 331 juta unit pada suku kedua 2004. KLCI meningkat kepada 842.04 mata pada 2 September, mencatat kenaikan sebanyak 6.1% sehingga kini. Prestasi Bursa Malaysia bercampur-campur berbanding beberapa bursa utama dan serantau yang lain, seperti di *Carta 5.7*.

CARTA 5.7

Prestasi Indeks Terpilih

Akhir 2003 berbanding akhir Ogos 2004.

1 September 1998 berbanding akhir Ogos 2004.



Sumber: Bloomberg.

Bagi indeks sektoral, prestasi terbaik adalah indeks perlombongan dengan peningkatan 19.7% disokong oleh penstrukturan semula sektor korporat oleh beberapa syarikat dalam sektor ini yang merancakkan minat membeli, seperti di *Jadual 5.15*. Indeks Pasaran Bursa Dagangan dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) menurun sebanyak 16.9% disebabkan aktiviti pengambilan untung selepas peningkatan kukuh sebanyak 82.9% pada tahun 2003 serta prospek sektor teknologi global yang kurang menggalakkan.

Dagangan Bursa Malaysia lebih aktif pada tujuh bulan pertama 2004, disokong oleh peningkatan penyertaan pelabur institusi dan runcit serta asing. Urus niaga meningkat ketara dari segi jumlah dan nilai, masing-masing mencatat kenaikan sebanyak 41.8% dan 85.4%, seperti di *Jadual 5.16*. Prestasi pasaran yang lebih baik menggalakkan lebih banyak firma untuk memperoleh dana di pasaran ekuiti. Bilangan IPO dan jumlah dana yang diperoleh di pasaran

JADUAL 5.15

Bursa Malaysia: Prestasi Indeks Terpilih

	Akhir Disember 2003	Akhir Julai 2004	% perubahan
Komposit	793.94	833.97	5.0
EMAS	195.57	200.32	2.4
Papan Kedua	140.64	117.87	-16.2
Pasaran MESDAQ	152.25	126.52	-16.9
Industri	1,772.39	1,827.60	3.1
Barangan Pengguna	216.29	227.61	5.2
Barangan Industri	81.39	81.83	0.5
Pembinaan	187.97	165.87	-11.8
Dagangan/Perkhidmatan	115.34	119.43	3.5
Kewangan	6,472.17	6,957.32	7.5
Harta	750.70	735.98	-2.0
Perladangan	2,209.75	2,211.23	0.1
Perlombongan	338.70	405.29	19.7
Syariah	122.86	125.19	1.9
Teknologi	60.30	44.87	-25.6

Sumber: Bursa Malaysia.

JADUAL 5.16

**Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih
Januari-Julai**

	2003	2004
Indeks harga¹		
Komposit	720.6	834.0
Emas	178.9	200.3
Papan Kedua	118.9	117.9
Pasaran MESDAQ	118.9	126.5
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	46,523	65,951
Nilai (RM juta)	73,063	135,486
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	325.3	461.2
Nilai (RM juta)	510.9	947.5
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	562,739	664,672
Nilai pasaran ¹ /KDNK (%)	1.60	1.62
Jumlah syarikat disenaraikan	884	942
Papan Utama	570	613
Papan Kedua	290	280
Pasaran MESDAQ	24	49
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga/nilai pasaran (%)	13.0	20.4
Jumlah urus niaga/jumlah sekuriti disenaraikan (%)	18.8	23.6
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/nilai pasaran (%)	31.8	33.8
Purata modal berbayar syarikat broker saham ¹ (RM juta)	167.3	174.7

¹ Pada akhir tempoh.

² Berdasarkan urus niaga pasaran sahaja semasa tempoh.

Sumber: Bursa Malaysia.

ekuiti masing-masing meningkat kepada 42 terbitan dan RM3,574 juta (Januari-Julai 2003: 25 IPO; RM1,770 juta). Jumlah 42 penyenaian baru ini termasuk lapan di Papan Utama dan 17 masing-masing di Papan Kedua dan Pasaran MESDAQ. Harga 37 penyenaian baru telah didagangkan dengan premium pada akhir hari pertama dagangan disokong oleh sentimen pasaran yang bertambah baik. Jumlah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia adalah sebanyak 942 pada akhir Julai 2004, bilangan kedua terbesar syarikat tersenarai selepas Hong Kong di Asia Timur.

Industri Unit Amanah

NAV meningkat berikutan prestasi kukuh bursa saham...

Industri unit amanah terus berkembang pada separuh pertama 2004 sejajar dengan dana baru yang dilancarkan di samping peningkatan jumlah unit dalam edaran. Pada tempoh ini, sebanyak 33 dana baru dilancarkan, termasuk lapan dana Islam, seperti di *Jadual 5.17*. Bilangan unit dalam edaran berkembang 8.7% kepada 106,129 juta unit. Selaras dengan prestasi kukuh Bursa Malaysia, nilai aset bersih (NAV) unit amanah meningkat 6.7% kepada RM74,893 juta. Nisbah NAV kepada nilai pasaran bursa saham adalah sebanyak 11.5% pada akhir Jun 2004 berbanding tahap 40% bagi negara maju, menunjukkan skop bagi pembangunan dan perkembangan lanjut industri unit amanah.

Pasaran Derivatif

Jumlah urus niaga lebih tinggi, dirangsang oleh niaga hadapan KLCI dan CPO...

Dagangan derivatif yang diniagakan di **Bursa Malaysia Derivatives** meningkat ketara sebanyak 46.6% kepada 1,599,539 kontrak pada tujuh bulan pertama 2004 (Januari-Julai 2003: 1,091,009 kontrak), dirangsang oleh dagangan pasaran hadapan KLCI dan CPO. Berikutan pelancaran niaga hadapan minyak isi rung sawit pada Februari tahun ini, bursa derivatif kini mempunyai lapan produk bagi memberi pilihan pelaburan instrumen derivatif yang lebih luas kepada pelabur.

Niaga hadapan CPO kekal menguasai pasaran derivatif dengan jumlah dagangan sebanyak 790,683 kontrak atau 49.4% daripada jumlah dagangan (Januari-Julai 2003: 792,332 kontrak; 72.6%). Purata harga niaga hadapan CPO meningkat 16.8% kepada RM1,788 setiap tan bagi tujuh bulan pertama 2004 (Januari-Julai 2003: RM1,531 setiap tan), disebabkan bekalan ketat minyak dan lemak sayuran global di samping permintaan kukuh daripada China dan Kesatuan Eropah. Prospek harga CPO kekal positif berdasarkan jangkaan stok dan pengeluaran CPO akan berkurangan pada separuh kedua

JADUAL 5.17

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2003			Akhir Jun 2004		
	Dana yang Disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah	Dana yang Disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	10	26	36	10	26	36
Jumlah dana unit amanah ¹	35	179	214	35	212	247
Unit dalam edaran (juta)	49,112	48,554	97,666	49,406	56,723	106,129
Bilangan akaun (juta)	8.708	1.590	10.298	8.714	1.649	10.363
Nilai aset bersih (NAV) (RM juta)	41,912	28,260	70,172	43,534	31,359	74,893
NAV/nilai pasaran Bursa Malaysia (%)	6.55	4.14	10.96	6.66	4.80	11.46

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

2004, sementara permintaan dijangka meningkat, khususnya semasa musim perayaan akan datang dari pasaran seperti India dan China.

Prestasi niaga hadapan KLCI amat memberangsangkan dengan jumlah dagangan meningkat lebih empat kali ganda untuk mencatat 698,986 kontrak (Januari-Julai 2003: 126,420 kontrak). Begitu juga, sumbangan pasaran niaga hadapan KLCI juga berkembang ketara kepada 43.7% (Januari-Julai 2003: 11.6%). Prestasi niaga hadapan KLCI yang lebih menggalakkan disokong oleh prestasi Bursa Malaysia yang lebih baik. Dagangan niaga hadapan 3-bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) juga meningkat sebanyak 25.7% kepada 91,515 kontrak (Januari-Julai 2003: 72,793 kontrak). Dagangan yang lebih tinggi ini disebabkan oleh jangkaan kenaikan kadar faedah serta peralihan kecenderungan pasaran daripada pasaran bon kepada instrumen pasaran wang jangka pendek dan instrumen pasaran antara bank. Aktiviti dagangan bagi niaga hadapan SKM 5-tahun, bagaimanapun, lebih lembab dengan urus niaga menurun kepada 14,204 kontrak (Januari-Julai 2003: 99,464 kontrak). Institusi kewangan kurang cenderung menyertai pasaran bon dan niaga hadapan disebabkan kesan limpahan daripada volatiliti mengejut dalam pasaran bon pada Julai 2003.

Kemajuan Pelan Induk Pasaran Modal

Fasa 1 CMP selesai, menganjak ke Fasa 2...

Pelaksanaan fasa satu (2001-2003) CMP telah selesai pada tahun 2003. CMP yang dilancarkan pada tahun 2001, merupakan pelan jangka 10 tahun bagi merangka pembangunan strategik pasaran modal Malaysia. Langkah yang diambil dalam Fasa 1 CMP pada asasnya tertumpu kepada usaha memperkukuhkan peserta pasaran domestik, membangunkan kapasiti pasaran serta membangunkan sektor strategik pasaran modal. Antara langkah utama yang telah dilaksanakan termasuk pembangunan pasaran bon korporat yang lebih efisien, seperti dilihat daripada peningkatan terbitan PDS serta efisiensi perolehan modal dengan tempoh pelbagai urus proses kawalselia dikurangkan sebanyak 50%. Satu lagi pencapaian yang penting merupakan konsolidasi bursa yang menggabungkan dua bursa saham (BSKL dan MESDAQ) dan tiga bursa derivatif (KLOFFE, COMMEX dan MDEX). Usaha untuk mempertingkatkan lagi mudah tunai di bursa saham juga dipesatkan dalam Fasa 1, terutamanya penyeragaman saiz lot dagangan kepada 100 unit serta pengurangan kos urus niaga.

LANGKAH-LANGKAH UTAMA PASARAN MODAL

Meneruskan usaha bagi mempertingkatkan kecekapan dan daya saing pasaran modal...

Langkah pasaran modal yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia pada tujuh bulan pertama 2004 bertujuan mempertingkatkan lagi mudah tunai dan kecekapan pasaran serta perlindungan pelabur dan urus tadbir korporat. Langkah utama adalah seperti berikut:

Demutualisasi Bursa

- Pada 5 Januari 2004, demutualisasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah diselesaikan, dengan menukarkannya kepada syarikat awam berhad mempunyai pegangan saham daripada syarikat berhad dengan jaminan. Dengan penukaran ini, tiga pemegang saham iaitu Dana Pembangunan Pasaran Modal, Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan dan syarikat broker berlesen kini masing-masing memegang 30% saham dalam entiti yang didemutualisasikan ini. Baki 10% saham diberikan kepada remiser. Demutualisasi ini merupakan penyempurnaan salah satu daripada perakuan-perakuan utama CMP ke arah memperkukuhkan lagi daya saing institusi pasaran.

Memperkukuh Rangka Kerja Perlesenan

- Pada 5 Januari, pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti (SIA) 1983 untuk menjelaskan definisi penasihat pelabur telah berkuatkuasa. Dengan pindaan ini, seseorang individu yang bertindak atau mewakili dirinya sebagai perancang kewangan perlu mendapat lesen sebagai penasihat pelabur daripada SC. Keperluan ini bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme dan kredibiliti perancang kewangan di samping memanfaatkan pelabur yang menggunakan perkhidmatan perancangan kewangan.

Mempertingkat Kuasa Tindakan Sivil dan Pentadbiran

- Berkuatkuasa 5 Januari, skop tindakan sivil dan pentadbiran terhadap mana-mana pelanggaran undang-undang sekuriti dan undang-undang lain di bawah bidang kuasa SC telah diperluaskan. Skop yang diperluaskan ini membenarkan SC mengambil tindakan dan menghukum pengarah dan ketua pegawai eksekutif (CEO) yang telah menyalahguna kuasa atau berkemungkinan menyalahguna kuasa, termasuk menyingkir dan melarang individu terbabit daripada menjadi pengarah dalam mana-mana PLC. Pada masa yang sama, pelabur yang mengalami kerugian akibat pelanggaran undang-undang boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan remedi sivil baru ini.

Memperkukuh Urusan Penjelasan dan Penyelesaian

- Berkuatkuasa 5 Januari, peruntukan baru telah diperkenalkan di bawah SIA 1983 bertujuan memastikan integriti sistemik urusan penjelasan dan penyelesaian rumah penjelasan. Di bawah peruntukan ini, penyelesaian dagangan yang dilaksanakan di bursa tidak terjejas dalam situasi ketidakmampuan bayar mana-mana peserta pasaran yang merupakan pihak dalam dagangan tersebut.

Memperkukuh Perlindungan Pelabur dan Urus Tadbir Korporat

- Berkuatkuasa 5 Januari, perlindungan aset pelanggan akan dipertingkatkan menerusi peruntukan yang memerlukan pengurus dana melantik pihak ketiga kustodian untuk memegang aset pelanggan. Langkah lain yang melindungi aset pelanggan termasuk pemindahan aset pelanggan kepada pemegang amanah sekiranya aset tersebut berada dalam keadaan bahaya.
- Peruntukan pemberian maklumat (*whistle blowing*) telah juga diperkenalkan bertujuan menyekat penyalahgunaan korporat dan menggalakkan urus tadbir korporat yang lebih baik dalam PLC. Peruntukan ini mengenakan tugas mandatori kepada juruaudit untuk melaporkan pelanggaran undang-undang sekuriti dan peraturan bursa kepada pihak berkuasa berkaitan. Ia juga memberikan seseorang juruaudit perlindungan statutori daripada mana-mana tindakan mahkamah jika laporan telah dibuat dengan niat yang baik. Perlindungan statutori juga diberikan kepada pegawai syarikat seperti CEO, ketua pegawai kewangan dan juruaudit dalaman yang melaporkan salah laku oleh syarikat, walaupun kewajipan mandatori tidak dikenakan.
- Berkuatkuasa 1 April, PLC yang lewat menghantar penyata kewangan kepada Bursa Malaysia bagi tempoh melebihi 3 bulan akan digantung urus niaganya. Langkah ini adalah untuk memastikan penyebaran maklumat mengikut masa yang ditetapkan.
- Pada 19 Mei, SC telah mengeluarkan Garis Panduan Prospektus Bagi Penyenaian Syarikat Asing Yang Diperbadankan Di Luar Negara. Garis panduan baru ini mengenakan keperluan penzahiran tambahan bagi syarikat asing yang ingin disenaraikan di Malaysia. Prospektus mesti menzahirkan maklumat seperti perbezaan dalam penguatkuasaan undang-undang, maklumat korporat dan risiko terabit apabila dikawal selia oleh bidang kuasa lain. Garis panduan baru ini bertujuan membantu pelabur membuat keputusan bermaklumat.

Meningkatkan Kecekapan Penjana Dana

- Berkuatkuasa 9 Februari, PLC yang menjalankan terbitan bonus, skim saham pekerja dan skim opsyen saham pekerja (ESOS) tidak lagi memerlukan kelulusan SC di bawah pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Terbitan bonus dan ESOS oleh PLC kini ditadbirkan oleh Bursa Malaysia melalui pindaan kepada syarat-syarat penyenaian (LR). Pindaan tersebut juga telah memperkenalkan beberapa langkah liberalisasi. Ini termasuk opsyen di bawah LR dan Syarat-Syarat Penyenaian Pasaran MESDAQ bagi PLC memberikan ESOS kepada pengarah bukan eksekutif. Di bawah LR, peratusan saham yang boleh diterbit bagi sesuatu ESOS telah dinaikkan daripada 10% kepada 15%.
- Dalam kes di mana terbitan bonus dibuat dengan mempermodakan rizab penilaian semula tanah dan bangunan, LR dan Syarat-syarat Penyenaian Pasaran MESDAQ mengkehendaki laporan penilaian aset disediakan mengikut keperluan Garis Panduan Penilaian Aset SC.

Meningkatkan Kejelasan Bagi Pengambilalihan dan Percantuman

- Pada 25 Mac, pindaan Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia dan Nota Amalannya telah berkuatkuasa bertujuan memastikan lebih kejelasan kepada pelbagai peruntukan dalam Kod tersebut. Satu peruntukan baru menjadikannya mandatori bagi setiap pengarah syarikat yang membuat tawaran untuk menyatakan bahawa dia telah mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan fakta dan pandangan yang dinyatakan di dalam dokumen tawaran adalah adil dan tepat, dan tiada fakta penting yang tidak dimasukkan. Dokumen tawaran mesti juga menyatakan bahawa setiap pengarah harus menerima tanggungjawab yang sepatutnya.

Menggalakkan Pertumbuhan PDS

- Pada 26 Julai, SC telah mengeluarkan Garis Panduan Penawaran Sekuriti Islam (Garis Panduan IS). Garis Panduan IS memperkenalkan rangka kerja “payung” bagi sekuriti Islam, membolehkan dan memudahkan pembangunan pasaran modal Islam di Malaysia yang lebih inovatif dan canggih. Garis Panduan ini akan memudahkan pengenalan rangkaian instrumen Islam yang lebih meluas, terutamanya terbitan di bawah prinsip *syariah* seperti *mudharabah* atau *musyarakah* (perkongsian keuntungan dan kerugian) bagi memenuhi profil risiko pulangan pelabur yang berbeza. Dengan Garis Panduan IS, penawaran sekuriti Islam tidak lagi tertakluk kepada Garis Panduan Penawaran Sekuriti Hutang Swasta (Garis Panduan PDS).
- Pada 28 Julai, SC telah mengeluarkan Nota Amalan 2 bagi menjelaskan penggunaan Garis Panduan PDS bagi penerbitan bon dalam mata wang ringgit di Malaysia oleh bank pembangunan pelbagai hala (MDB) atau institusi kewangan pelbagai hala (MFI). Nota Amalan 2 memudahkan penerbitan bon ringgit oleh MDB dan MFI dengan tidak mengenakan pelbagai keperluan dalam Garis Panduan PDS. Kelonggaran adalah berdasarkan taraf kredit tinggi penerbit seperti ini di samping objektif pembangunan yang mereka bawa kepada pasaran di mana mereka memperoleh dana.

Menggalakkan Pertumbuhan Industri Unit Amanah

- Pada 28 April, SC telah mengeluarkan Nota Panduan 1 kepada Garis Panduan Tabung Unit Amanah. Nota ini bertujuan menggalakkan pertumbuhan industri unit amanah dengan membenarkan lebih banyak bank berlesen dan bank saudagar yang ditubuhkan di Malaysia bertindak sebagai penjamin bagi dana modal yang dijamin. Keperluan minimum penarafan jangka panjang bagi penjamin telah dilonggarkan daripada penarafan yang menunjukkan keselamatan tertinggi bagi pembayaran hutang dengan menepati masa serta mempunyai profil kredit yang baik kepada penarafan yang menunjukkan keselamatan yang mencukupi terhadap pembayaran balik hutang dengan menepati masa serta mempunyai profil kredit yang mencukupi yang boleh diperolehi daripada agensi penarafan domestik atau antarabangsa.
- Pada 7 Julai, beberapa kelonggaran telah dibuat di bawah Nota Panduan 2 kepada Garis Panduan Tabung Unit Amanah. Di bawah pindaan peruntukan ini, syarikat pengurusan tabung unit amanah boleh terdiri daripada subsidiari kepada syarikat perkhidmatan kewangan di Malaysia, kecuali mana-mana institusi yang dilesenkan oleh SC. Penyertaan ekuiti asing juga telah dinaikkan daripada 30% kepada 49%. Aktiviti yang dibenarkan untuk syarikat pengurusan juga telah diperluaskan untuk meliputi pelaburan portfolio selain daripada tabung unit amanah serta perkhidmatan nasihat pelaburan. Sementara keperluan dana pemegang saham syarikat pengurusan telah dinaikkan daripada RM5 juta kepada RM10 juta.
- Nota Panduan 3 kepada Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang dikeluarkan pada 7 Julai 2004 telah melanjutkan tempoh tawaran permulaan untuk tabung unit amanah yang mempunyai tempoh tawaran terhad daripada 21 kepada 45 hari.

Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

- Pada 31 Mac, SC telah mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan bagi Perantara Pasaran Modal. Ia bertujuan membantu perantara pasaran modal seperti peniaga, pengurus dana, broker pasaran hadapan dan pengurus dana pasaran hadapan supaya mematuhi peruntukan dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001.

Langkah yang diambil dalam fasa kedua CMP (2004-2005) akan tertumpu kepada usaha memperkukuhkan sektor utama dan liberalisasi terhadap akses pasaran secara beransur-ansur. Penekanan akan diberikan kepada usaha mempertingkatkan mudah tunai, termasuk apungan bebas syarikat tersenarai awam (PLC) melalui penjualan saham milik Kerajaan dan peningkatan akses pasaran. Inisiatif yang sedang diusahakan termasuk pengenalan satu platform dagangan bersama bagi ekuiti dan bon serta pembangunan dan penubuhan bersama satu rangkaian silang bagi dagangan sekuriti antara Bursa Malaysia dan Bursa Singapura (SGX).

Keutamaan lain adalah untuk membangunkan nilai perantara pasaran ke arah liberalisasi dan deregulasi pasaran. Fasa 2 juga akan memberi tumpuan meningkatkan kedudukan pasaran modal Malaysia, termasuk membenarkan penyertaan asing yang lebih tinggi di pasaran domestik di samping membantu penyertaan perantara domestik di pasaran antarabangsa.

Prospek 2005

Dasar monetari yang menyokong pertumbuhan, dilengkapi oleh pasaran modal yang berdaya tahan...

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 6% pada tahun 2005 selaras dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana. Penggunaan swasta yang kukuh dan pelaburan yang semakin meningkat akan memacu aktiviti ekonomi domestik, sementara perbelanjaan awam akan mantap secara beransur. Dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan domestik dengan memastikan kadar faedah yang rendah dan stabil untuk membantu aktiviti ekonomi, di samping mengekalkan kadar pulangan benar positif untuk pendeposit. Meskipun kadar faedah global dijangka meningkat secara beransur, peningkatan daya tahan dan asas makroekonomi Malaysia yang kukuh akan terus memberikan fleksibiliti untuk melaksanakan pendekatan monetari yang menyokong pertumbuhan.

Sistem perbankan yang lebih teguh kini berada pada landasan yang lebih kukuh untuk menghadapi kejutan serta menyokong keperluan pembiayaan ekonomi yang meningkat. IKP akan terus melengkapi sistem perbankan sebagai

penyedia pembiayaan *niche* projek jangka sederhana dan panjang yang berisiko tinggi disebabkan tempoh pelaburan yang panjang. Industri insurans dijangka berkembang, dipacu oleh pertumbuhan produk berkaitan pelaburan dan endowmen merangkumi pendidikan serta produk perubatan dan kesihatan.

Pertumbuhan perbankan Islam dijangka meningkat berikutan liberalisasi lebih awal dengan membenarkan sebuah bank asing untuk memulakan perbankan Islam di Malaysia, dengan dua lagi lesen baru yang akan dikeluarkan kepada peserta perbankan Islam asing yang berkelayakan. Selain itu, kelulusan kepada dua institusi perbankan domestik untuk memulakan perbankan Islam sepenuhnya dijangka menggerakkan lagi perkembangan industri ini. Selain daripada membangunkan produk kewangan Islam sejajar dengan usaha ke arah menjadi pusat kewangan Islam serantau, Malaysia juga berada pada kedudukan yang baik untuk mengeksploitasi bidang berpotensi yang lain. Dalam hubungan ini, Malaysia boleh membangun sebagai pusat pendidikan utama bagi perbankan dan kewangan Islam yang bertaraf antarabangsa serta menawarkan perkhidmatan konsultansi perbankan Islam dan takaful, khususnya melalui Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), sebuah institut milikan industri. Begitu juga, peranan dan aktiviti institusi kewangan Malaysia boleh diperkembangkan di peringkat serantau dan global dengan menggunakan kemudahan sedia ada di luar negara untuk menyediakan produk dan perkhidmatan perbankan Islam.

Pasaran modal yang lebih kukuh akan terus melengkapi sistem perbankan dalam membiayai inisiatif sektor swasta. Penerbitan PDS dijangka meningkat tetapi pada kadar lebih sederhana, dengan sebahagian besar digunakan untuk membiayai pengembangan perniagaan dan pelaburan baru, iaitu satu arah aliran yang dilihat sejak separuh pertama 2004. Sementara itu, usaha untuk memperluas dan memperdalamkan pasaran modal dijangka akan meningkat, disokong oleh beberapa langkah utama baru-baru ini. Antara inisiatif tersebut termasuk kelulusan automatik bagi tawaran persendirian sehingga 10% daripada modal yang diterbitkan, pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan kerajaan di samping membenarkan bon diterbitkan dalam mata wang ringgit oleh MDB dan MFI.